



IBU PEJABAT,  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,  
MALAYSIA,  
LEBUH WAWASAN, PRECINT 7  
62250 PUTRAJAYA.

Telefon. : 603-88927600  
Faks : 603-88880843  
Laman Web : [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)  
E-mail : [operasi@bomba.gov.my](mailto:operasi@bomba.gov.my)



Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: JBPM/IP/OPS:600-4/Jd.6(09)

Tarikh : 15 Jun 2015

### Senarai Edaran

Tan Sri, Datuk Seri, Datuk, Dato', Tuan,

### PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 1 TAHUN 2014 BERKENAAN PILI BOMBA AWAM DAN SWASTA

Saya segala hormatnya merujuk perkara di atas adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan, berdasarkan mesyuarat bersama pihak Sirim Berhad pada 22 April 2015 berkenaan *TC On Wet Fire Protection System*, satu penetapan melalui Perintah Tetap Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) berkenaan isu penandaan Pili Bomba awam dan swasta.
3. Perintah Tetap ini mengklasifikasikan bidang dan tanggungjawab JBPM berkenaan garis panduan Malaysia Standard MS 1395:2001-Pillar Fire Hydrant yang digunakan bagi reka bentuk, bahan-bahan, pembuatan, kaedah ujian, penyemakan dan penilaian pematuhan bagi Pili Bomba untuk operasi pemadam kebakaran. Sehubungan dengan itu, Perintah Tetap ini adalah digunakan bagi sebarang rujukan utama berkenaan penguatkuasaan Akta 341, pemasangan, penyelenggaraan, pemeriksaan dan pengecaman Pili Bomba
4. Perhatian dan kerjasama Tan Sri, Datuk Seri, Datuk, Dato', Tuan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"1 MALAYSIA: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"**

'CEPAT DAN MESRA'





**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

---

**PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 1 TAHUN 2014**

---

**PENANDAAN PILI BOMBA AWAM DAN SWASTA**



IBU PEJABAT

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

*Fire And Rescue Department of Malaysia*

Lebuhraya Wawasan, Presint 7  
62250 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Telefon: 603-88927604

Faks: 603-8888 0840

Portal Rasmi: [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)

Email: [korporat@bomba.gov.my](mailto:korporat@bomba.gov.my)

Ruj. Kami : JBPM/IP/KOR:100-1/9/2 (19)  
Tarikh : 24 Januari 2014

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah

Semua Penolong Ketua Pengarah/ Pengarah

Semua Pengarah Negeri

Semua Komandan

Semua Pegawai Pemerintah

Semua Penguasa Zon

Semua Ketua Balai

---

## PERINTAH TETAP KETAU PENGARAH BILANGAN 1 TAHUN 2014

---

### PENANDAAN PILI BOMBA AWAM DAN SWASTA

#### 1. TUJUAN

- 1.1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menetapkan Pili Bomba awam berwarna merah dan Pili Bomba swasta berwarna kuning untuk memudahkan kerja-kerja pemeriksaan, penyelenggaraan, penguatkuasaan Akta 341 dan pengecaman Pili Bomba semasa operasi pemadam kebakaran.
- 1.2 Mengklasifikasikan bidang dan tanggungjawab JBPM, pihak Berkuasa Air (PBA) dan tuanpunya premis persendirian bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembalikan Pili Bomba.

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pili Bomba merupakan sumber utama untuk mendapatkan bekalan air bagi melawan kebakaran. Pemeriksaan, pengujian dan penyelenggaraan Pili Bomba merupakan satu tugas yang amat penting bagi JBPM bagi memastikan kesiapsagaan Pili Bomba dan ianya diperiksa sekali setahun secara berjadual.
- 2.2 Garis Panduan Malaysia Standard MS 1395:2001 – Pillar Fire Hydrant – Specification (First Revision) digunakan bagi reka bentuk, bahan-bahan, pembuatan, kaedah ujian, penyemakan dan penilaian pematuhan bagi Pili Bomba untuk operasi pemadam kebakaran.
- 2.3 Malaysia Standard MS 1395:2001 para 4.18 menyatakan dengan izin "*Where the Fire Authority's regulations on colour differs, the hydrant colour shall comply with these. Where the colour is not subject to such regulations, the colour may be agreed between the user/ purchaser and manufacturer*".
- 2.4 Terdapat dua jenis pili bomba iaitu:-
  - 2.5.1 Jenis bawah tanah (*Under Ground Hydrant*)  
Pili bomba jenis ini mempunyai tanda tiang 'H' dan muncung serta injapnya terletak di dalam *chamber pit* sedalam lingkungan 1½ kaki berkedudukan dalam jarak lingkungan 1 hingga 2 kaki daripada tiang 'H'. Bekalan air diperolehi dengan memasang *stand pipe* pada muncung dengan membuka injapnya yang tersedia ada di *chamber pit*.
  - 2.5.2 Jenis bertiang (*Pillar Hydrant*)  
Pili bomba jenis ini tidak mempunyai sebarang penanda, tetapi tiang itu sendiri merupakan penanda pili bomba. Muncungnya terdapat pada tiang pili bomba berkenaan. Bekalan air diperolehi dengan hanya membuka injapnya yang terletak di dalam *chamber pit*.

### **3. TAKSIRAN**

- 3.1 **Nombor Pili Bomba** bermaksud Identiti Pili Bomba mengikut turutan bilangan Pili Bomba di kawasan jagaan Balai.
- 3.2 **Pili Bomba Awam** bermaksud suatu aliran pemasangan pili bomba yang dipasang untuk menyediakan bekalan air yang tidak bermeter bagi tujuan operasi pemadaman kebakaran.
- 3.3 **Pili Bomba Swasta** bermaksud suatu aliran pemasangan pili bomba yang dipasang untuk menyediakan bekalan air yang mempunyai meter ke sesuatu premis atau *compound* bagi tujuan operasi pemadaman kebakaran .
- 3.4 **Pemeriksaan pili bomba** bermaksud melaksanakan kerja pengujian tekanan dan pengeluaran air .
- 3.5 **Penyelenggaraan pili bomba** bermaksud kerja-kerja selenggara pili bomba, membersih, mengecat, mengantikan kompenan Pili Bomba yang rosak/ hilang dan membuat penandaan Pili Bomba.
- 3.6 **Penandaan Pili Bomba** bermaksud nombor Pili Bomba yang dilekatkan atau ditandakan dan warna Pili Bomba.
- 3.7 **Teman Pili Bomba** bermaksud bapa/Ibu angkat Pili Bomba yang dilantik atau dipilih oleh JBPM untuk mengawalselia atau menjaga Pili Bomba.

### **4. PERLAKSANAAN PENANDAAN PILI BOMBA**

#### **4.1 Pemeriksaan dan Penyelenggaraan Pili Bomba**

- 4.1.1 Kerja-kerja penandaan Pili Bomba dilaksanakan oleh pasukan bertugas setiap krew ataupun pegawai Unit Pili Bomba mengikut jadual tugas harian (JTH) Balai.
- 4.1.2 Prosedur Pemeriksaan Pili Bomba merujuk kepada JBPM/PS/08 – Pili Bomba .

4.1.2 Kenderaan yang digunakan untuk pemeriksaan Pili Bomba ialah kenderaan utiliti atau Jentera Bomba. Arahan Ketua Pengarah Bilangan 3 Tahun 2011 (Penggunaan Jentera Bomba/Utiliti Bagi Tujuan Pemeriksaan dan Ujian Pili Bomba, Pembiasaan Kawasan serta Tugas Khas-lain-lain).

4.1.3 Penandaan Pili Bomba dibuat berdasarkan kepada jumlah Pili Bomba yang terdapat di dalam kawasan jagaan Balai dengan merujuk Pemetaan Pili Bomba (kedudukan latitude dan longitude Pili Bomba).

4.1.4 Peralatan dan kelengkapan yang dibekalkan oleh Jabatan digunakan bagi kerja-kerja penandaan Pili Bomba.

## 4.2 Warna Pili Bomba

4.2.1 Pili Bomba dicat untuk mudah dilihat dan dikesan (Kod cat : MS 164:1992 dan MS 1932: 1996 – *Specification for Pillar Hydrant: 5. Coating* warna kuning bagi Pili Bomba swasta dan warna merah *signal red* bagi Pili Bomba awam.

4.2.2 Warna Pili Bomba bagi pemasangan Sistem Pili Bomba di premis yang ditetapkan mengikut Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 clause 248 .

## 4.3 Penomboran Pili Bomba

### 4.3.1 Penomboran Pili Bomba sepetimana berikut :-

4.3.1.1 Bentuk penandaan adalah huruf ‘T’ .

4.3.1.2 Kod Balai – singkatan nama Balai.

4.3.1.3 Lokasi pecahan mengikut garisan grid *fire cover* yang merangkumi pecahan Zon/ Kawasan/ Precint bagi kawasan jagaan Balai (pemetaan Pili Bomba).


- 4.3.1.4 No. Pili Bomba mengikut turutan bilangan Pili Bomba .

Kod Balai	Lokasi	Nombor bilangan mengikut turutan
PTI	A	01
BBP Pantai	Zon/ Kawasan/ Precint	Bilangan Pili Bomba nombor 1 mengikut turutan lokasi


- 4.3.1.5 Mengecat atau memasang *plate* penomboran Pili Bomba pada *branch/stand* Pili Bomba (Pillar Hydrant).

- 4.3.1.6 Penomboran bentuk *coding* dari abjad dan nombor menggunakan cat semburan dari jenis cepat kering, bebas dari *chlorofluorocarbon* (CFC) serta bahan-bahan lain yang tidak merosakkan ozon (ozone friendly).


#### 4.3.2 Bentuk Penomboran Pili Bomba yang dicat



**4.3.3 Bentuk Penomboran Pili Bomba yang dipasang plate pada branch/ stand Pili Bomba (Pillar Hydrant).**




Pili Bomba Awam




Pili Bomba Swasta

**Rajah Pandangan Sisi Pili Bomba**



**Rajah Pandangan atas Pili Bomba**




**Spesifikasi Plate Penomboran dan Teman Pili Bomba :-**

Jenis Font	:	Franklin Gothic Heavy
Ketinggian Huruf	:	2.5 cm
Warna Border	:	Merah / Kuning
Warna Font	:	Putih / Hitam
Bahan	:	Aluminium Plate (dicat kilat warna merah/ Kuning)
Panjang	:	12.5 cm
Lebar	:	9 cm
Tebal	:	1 mm



#### **4.4 PENANDAAN *PLATE* TEMAN PILI BOMBA**

**4.4.1** Pili Bomba yang didaftarkan sebagai Teman Pili Bomba mempunyai *plate* Teman Pili Bomba sepetimana berikut:-



#### **5. PEMAKAIAN**

**5.1** Perlaksanaan Perintah Tetap Ketua Pengarah ini digunakan di Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, Bahagian Keselamatan Kebakaran, Bahagian Penyiasatan Kebakaran, Ketua Zon dan Balai.

#### **6. TARIKH KUATKUASA**


**6.1** Arahan ini berkuatkuasa bertarikh **15 Januari 2014**.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**  
**(DATO' WAN MOHD NOR BIN HJ. IBRAHIM)**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia


Tarikh : **29** Januari 2014

**Lampiran 1**

**PENANDAAN PILI BOMBA**



**PILI BOMBA AWAM**



**PILI BOMBA SWASTA**